

SAMBUTAN TERAKHIR

■ Pemerintahan kedua Tuanku Abdul Halim berakhir hujung tahun ini



FAKTA
Agong seru rakyat jangan terpengaruh ideologi songsang

TUANKU Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah berkenan beramah mesra bersama Najib dan Rosmah.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah bertitah menyeru rakyat Malaysia supaya tidak mudah terjebak dan terpengaruh dengan ideologi songsang yang boleh mengakibatkan kehancuran kepada negara serta tamadun dunia.

Seri Paduka bertitah, pergolakan yang berlaku di seluruh pelusok dunia dan serangan pegganas di beberapa negara seperti Belgium, Turki, Perancis dan Indonesia sejak kebelakangan ini menzahirkan kebimbangan di hati baginda.

Baginda bertitah, serangan itu tidak saja menyebabkan kemusnahan harta benda, malah mengakibatkan banyak nyawa terkorban, termasuk orang awam dan rakyat yang tidak berdosa.

"Ini disebabkan angkara kumpulan pegganas dan munculnya kefahaman serta ideologi yang terlalu ekstrem dan taasub kepada kelompok sempit dan menyimpang jauh daripada ajaran Islam sebenar," titah baginda pada majlis menghadap dan istiadat pengurniaan darjah kebesaran, bintang dan pingat persekutuan bersempena sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara, di sini, semalam.

Turut hadir Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor, tetamu kehormat dan duta-duta.

Pada majlis semalam, seramai 39 penerima darjah kebesaran, bintang dan pi-

ngat Persekutuan daripada keseluruhan 1,546 penerima, menerima pingat kebesaran masing-masing.

Tuanku Abdul Halim juga bertitah, sambutan keputeraan rasminya semalam yang terakhir bagi pemerintahan kedua Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong, yang akan berakhir hujung tahun ini.

Kali pertama Tuanku Abdul Halim menjadi Yang di-Pertuan Agong dari 1970 hingga 1975.

Baginda turut bertitah: "Apa yang pasti masa berlalu begitu pantas. Beta bersyukur dalam tempoh pemerintahan, Beta diberi kesempatan dan kurnia Allah SWT melihat negara ini berkem-

bang daripada satu fasa ke satu fasa."

Seri Paduka bertitah era pentadbiran Najib sebagai Perdana Menteri ternyata menongkah arus cabaran ekonomi global dan meletakkan namanya di peta antarabangsa dalam pelbagai pencapaian.

"Beta sukacita dan mengambil maklum mengenai laporan kejayaan Program Transformasi Negara yang bernaung bawah lembayung Dasar Transformasi Nasional apabila mendapati Petunjuk Prestasi Utama keseluruhan bagi Program Transformasi Kerajaan telah mencapai 99 peratus pencapaian," titah Tuanku Abdul Halim. - BER-NAMA

PM gesa tolak politik kebencian

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak berkata rakyat di negara ini mesti menolak mana-mana individu atau kumpulan yang sering menabur fitnah, mentohmah dan menyebarkan propaganda, termasuk mengamalkan politik kebencian.

Menurut Perdana Menteri, tidak ada sesiapa di negara ini yang berhak berbuat sesuka hati kerana Malaysia sebuah negara yang merdeka, berdaulat dan mempunyai 'rule of law' serta ketetapan undang-undang seperti yang termaktub dalam perlembagaan.

"Walaupun kerajaan berdepan pelbagai dugaan dan cabaran, ketidaktentuan ekonomi global dan asakan politik dalaman,

kerajaan Tuanku memilih untuk berjiwa besar, berdiri tegak dan terus mara melangkah memacu kejayaan.

"Sebab itu pada hemat patik, kita mesti menolak mana-mana individu atau kumpulan yang sering menabur fitnah, mentohmah dan menyebarkan propaganda termasuklah yang mengamalkan politik kebencian sehingga tergamak memecah-belahkan masyarakat dan melanggar perlembagaan," kata Najib.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan sembah tahniah kepada Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah bersempena Hari Keputeraan rasmi Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara, di sini, semalam.